



Kerusi Bahasa Dusun di UMS: KM

RANAU: Kementerian Pendidikan hari ini meluluskan perubahan kerusi untuk pengajian Bahasa Dusun di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Telipok dekat Kota Kinabalu.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok (gambar kiri) yang mengumumkan perkara itu di sini, terus meluluskan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM2 juta untuk kerusi itu.

"Saya mahu buat pengumuman penting bahawa permintaan kita untuk kerusi pengajian Bahasa Dusun di Universiti Malaysia Sabah telah diluluskan secara spontan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak melalui telefon sebentar tadi," katanya kepada orang ramai selepas majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Masyarakat Ranau kelmarin.

Pengumuman itu disambut dengan sorakan kegembiraan oleh orang ramai. Masyarakat dusun mewakili 90 peratus penduduk di daerah Ranau dan merupakan kumpulan kaum majoriti penduduk Sabah iaitu lebih 600,000 daripada 2 juta penduduk negeri itu.

Daerah Ranau, yang terletak di ketinggian 4,800 kaki dari paras laut dan 120 km ke timur Kota Kinabalu, merupakan satu kawasan pelancongan utama di Sabah dengan menerima tidak kurang daripada 200,000 pelawat dalam dan luar negeri setiap tahun.

Dompok mengucapkan terima kasih kepada Najib kerana meluluskan permohonan untuk kerusi pengajian bahasa Dusun itu.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam yang turut hadir pada majlis itu telah menyarankan agar bahasa Dusun turut digunakan dalam urusan rasmi kerajaan negeri di masa akan datang.

Kasitah, yang juga Ketua Umno bahagian Kinabalu, adalah daripada keturunan suku kaum Dusun.

Yang turut hadir pada majlis ialah anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kundasang Datuk Ewon Ebin dan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Ranau Datuk Siringan Gubat.

14 FEBRUARI 1999
BORNEO MAIL